



Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya

Ab Samad Kechot¹, Shahidi A.Hamid¹, Rahim Aman¹, Zuraidah Hassan¹, Daeng Haliza Daeng Jamal¹

¹Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correnspondence: Ab Samad Kechot (email: asksam_asksam@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai pendidikan warisan di muzium dan penggunaan laras bahasanya dalam program-program pendidikan warisan yang dirancang khusus kepada masyarakat yang terdiri dari pelbagai peringkat umur dan kategori. Program pendidikan berlangsung melalui dua bentuk iaitu secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung adalah melalui program pendidikan yang di rancang dan disusun khas untuk kategori pengunjung dan melalui pameran tetap, khas dan sementara adalah secara tidak langsung. Data diambil dari kajian perpustakaan, pemerhatian turut serta dan pemerhatian secara langsung serta temubual bebas. Kajian mendapati penggunaan laras bahasa haruslah berdasarkan latar sosial, cara hidup serta tahap pengunjung yang terdiri dari pelbagai bangsa, umur dan status.

Katakunci : laras bahasa, muzium, pendidikan warisan, pengunjung muzium, program pendidikan, warisan

The language of heritage education in Malaysian museums

Abstract

This paper discusses findings from a study of the educational heritage organized by the National Museum of Malaysia and the specific register used in its particular programme to cope with various levels of age and social category of the Malaysian society. Education programmes were carried out directly and indirectly. Directly means they are implemented through educational heritage programmes which were planned and arranged particularly for visitors, and through regular as well as ad hoc exhibitions. All of these activities would indirectly convey knowledge on heritage to the visitors. Data were taken from literature studies, direct observation and random interviews. This study found that the use of register should be based on visitors' social settings, lifestyles and characteristics including ethnic background, age and socio-economic status.

Keywords: education programme, grammar, heritage, heritage education, museum, museum visitors

Pengenalan

Institusi muzium merupakan sebuah institusi yang pada awalnya berfungsi memerihalkan bahan sejarah semata-mata. Walau bagaimanapun statusnya kini berubah apabila diangkat menjadi sebuah institusi yang memberi kepentingan kepada negara terutama dalam bidang pelancongan dan sebagai institusi pendidikan bukan formal (institusi perkembangan ilmu). Suatu ketika dahulu, kewujudannya di Eropah adalah

sebagai manifestasi masyarakat dan menunjukkan taraf masyarakat bangsa-bangsa Eropah (Susan, 1999). Namun, setelah berlakunya proses evolusi, muzium pada hari ini, di Eropah khususnya dan di serata dunia amnya, telah menjadi pusat pendidikan popular yang mendidik serta menyediakan pengalaman sosial dan kerohanian melalui pamerannya serta aktiviti yang lain.

Muzium dilihat sebagai institusi pembinaan minda yang unggul dan mampu membawa agenda kesedaran terhadap budaya bangsa melalui aktiviti terutama melalui pameran. Muzium mampu menjadi *role model* kepada sistem pendidikan luar. Menjelang alaf baru ini, muzium seharusnya wujud dengan lebih berketerampilan dalam memperbaiki imejnya pada mata masyarakat melalui pendekatan penyampaian aktiviti atau program yang lebih menekankan teknologi dan mesra masyarakat tanpa meninggalkan elemen emosi dan rohani para pengunjungnya (Dzulfawati, 1999).

Malaysia merupakan sebuah negara yang membangun dalam pelbagai aspek termasuk dalam bidang budaya dan warisan. Budaya dan warisan merupakan alternatif kejayaan kepada negara. Hal ini kerana kedua-duanya merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi khususnya dalam bidang pelancongan. Dalam masa yang sama, warisan turut memiliki kepentingan dalam aspek pendidikan. Ia bukan sahaja memaparkan bayangan sejarah bahkan kewujudannya juga memberi pelbagai pendidikan kepada masyarakat. Salah satu institusi yang berperanan sebagai wadah pendidikan mengenai warisan adalah muzium. Sebagaimana yang diketahui muzium merupakan organisasi yang sudah bertapak sejak 1886 (Hugh Low) dan mampu berdiri teguh di Malaysia. Perkembangan yang dilalui ini memberi peluang kepada muzium untuk mengubah fungsi dan peranan ke arah yang lebih saling melengkapi sejajar dengan tuntutan masyarakat pada masa kini. Muzium boleh menjadi *role model* kepada sistem pendidikan luar dan terbuka kepada masyarakat pelbagai peringkat. Menjelang alaf baru ini muzium seharusnya lahir dengan lebih berketerampilan dalam memperbaiki imejnya pada mata masyarakat melalui pendekatan penyampaian aktiviti atau program yang lebih menekankan teknologi dan mesra masyarakat tanpa meninggalkan elemen emosi dan rohani para pengunjungnya (Dzulfawati, 1999).

Permasalahan kajian

Pada awalnya institusi muzium merupakan sebuah institusi yang diwujudkan untuk memperihalkan mengenai bahan sejarah. Namun statusnya kini sudah berubah kerana telah diangkat menjadi sebuah institusi yang memberi kepentingan kepada negara terutama dalam bidang pelancongan dan sebagai institusi pendidikan bukan formal (institusi perkembangan ilmu). Terdahulu, kewujudannya merupakan manifestasi masyarakat dan menunjukkan taraf masyarakat bangsa-bangsa Eropah (Susan, 1999). Namun, setelah berlakunya proses evolusi, muzium pada hari ini telah menjadi pusat hiburan popular yang mendidik serta menyediakan pengalaman sosial dan kerohanian melalui pameran serta aktiviti yang lain. Peranan muzium pula kini dianggap sebagai satu institusi pelestarian warisan dan menterjemahkannya serta menggunakannya sebagai salah satu wahana yang boleh membantu bukan sahaja dalam mengekalkan wajah budaya dan citra bangsa tetapi ia merupakan wadah terpenting dalam pembinaan negara bangsa selaras dengan cita-cita negara untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang dinamik dan bersatu padu (Othman, 2005). Institusi muzium kini perlu dijadikan sumber pendidikan ilmu yang utama kerana kandungan di dalamnya umpama ‘gedung ilmu’ yang merangkumi warisan sejarah, kebudayaan, flora dan fauna negara. Ia mampu memberi sumbangan yang lebih daripada gambaran tersebut. Terutama melibatkan korpus pemikiran dan penjaan idea.

Selain itu, peranan muzium turut mempengaruhi perkembangan mutakhir dalam dunia pendidikan dan kesedaran masyarakat terhadap peranan sekolah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang akademik dan sahsiah. Tuntutan ini menyebabkan institusi pemuziuman turut memikul tanggungjawab yang sama kerana muzium merupakan sebuah institusi pendidikan dalam bentuk pendidikan bukan formal. Sungguhpun begitu, cara yang betul harus ditinjau agar usaha-usaha ke arah ini dapat disempurnakan dengan baik dan berkesan.

Dalam konteks pemahaman pengunjung dalam program pendidikan, penggunaan laras bahasa dan sejauhmanakah elemen bahasa tersebut menjadi antara aspek utama juga harus dilihat oleh muzium. Bagi memudahkan objektif sesebuah muzium dalam menyebarkan ilmu pengetahuan, perancangan dan pengurusan sesebuah program terutama dalam menyediakan teks dan kapsyen agar menjadi menarik adalah antara yang perlu dititikberatkan agar dapat menarik masyarakat untuk hadir ke muzium dan dalam masa yang sama memahami apa yang ingin disampaikan. Isu masalah muzium seringkali dibicarakan dalam media massa sebagai topik yang lazim seperti Muzium Hilang Daya Tarikan (Azmi Syafi, 2005:10) yang membicarakan mengenai masalah kunjungan ke muzium menjadi pilihan terakhir sekiranya diberi pilihan telah menggambarkan kegagalan matlamat kerajaan dalam menjadikan hobi masyarakat untuk ke muzium. Nazel Hasyim (2007), pula membicarakan mengenai muzium yang tidak dikunjungi pengunjung sedangkan proses pembinaannya menelan perbelanjaan yang besar Contohnya Muzium Kota Kayang Perlis yang dibina bermula tahun 1999 yang menelan belanja RM 1.7 juta. Usaha dalam menarik pengunjung merupakan satu usaha yang sangat bertepatan dalam mencapai matlamat menyebarkan ilmu pengetahuan.

Dalam proses memahami kandungan pameran di muzium, pembacaan terhadap teks dan kapsyen merupakan antara aspek yang utama. Safiah (1990) menyatakan pembaca yang cekap ialah seseorang yang berusaha mendapatkan makna daripada teks atau petikan yang dibaca. Dia bukan hanya membaca setakat mencungkil maklumat ataupun setakat memahami apa yang dinyatakan oleh penulis secara terus terang dan tidak lebih dari itu. Sebaliknya pembaca itu perlu menggunakan daya kognisi atau daya mentalnya bagi mendapatkan makna daripada teks atau wacana bertulis yang sedang dihadapinya. Melalui pembacaan, pengunjung dapat menginterpretasi keseluruhan pameran dengan baik. Hal ini turut disokong oleh Atan Long (1969) yang mana menurutnya, membaca ialah proses mentafsirkan kembali lambang-lambang bertulis dan mendapatkan makna atau buah fikiran daripada bahan-bahan bertulis itu. Lambang-lambang bertulis itu atau perkataan diterjemahkan kembali kepada bunyi suara sama ada dengan bersuara atau senyap, tetapi dengan menyembunyikan perkataan-perkataan itu sahaja bukanlah membaca. Dengan membaca juga dapat mempengaruhi pemahaman yang lebih mendalam. Oleh yang demikian, kajian ini berusaha menilai kepentingan penggunaan laras bahasa dalam program-program pendidikan di muzium.

Objektif kajian

Kajian ini merupakan kajian mengenai penggunaan laras bahasa dalam program pendidikan warisan. Tujuan penulisan ini adalah untuk:

- i- Memahami pengertian dan konsep pendidikan warisan
- ii- Melihat penggunaan laras bahasa dan kepentingannya dalam pendidikan warisan
- iii- Meneroka persepsi pengunjung terhadap pameran

Metodologi kajian

Terdapat tiga kaedah yang digunapakai dalam penulisan ini iaitu kajian perpustakaan, pemerhatian dan temubual.

Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan merupakan antara kaedah kajian yang utama dalam menjalankan kajian ini iaitu dalam mendapatkan sumber-sumber. Maklumat-maklumat ini diambil dari sumber-sumber koleksi perpustakaan Muzium Negara dan Jabatan Muzium Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan IPT (Institut Pengajian Tinggi) Tun Seri Lanang (PTSL) UKM, Perpustakaan Institut Pengajian Alam Melayu

(ATMA), Perpustakaan Hamzah Sendut I dan II, Perpustakaan Peringatan Zaaba dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Kementerian Pelancongan dan Arkib Negara.

Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah yang digunakan dalam melengkapkan kajian ini iaitu di Muzium Negara. Pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian ikut serta (*Participant Observation*) dan pemerhatian langsung (*direct observation*). Pemerhatian turut serta diamalkan oleh pengkaji iaitu pengkaji turut bersama-sama semasa, sedang dan sesudah aktiviti pameran yang dilakukan iaitu di Galeri A, B, C dan D Muzium Negara Kuala Lumpur. Di samping itu, pengkaji turut melakukan pemerhatian langsung.

Temubual bebas

Kaedah temubual ini penting bagi memperoleh keterangan khusus, pendapat dan pandangan daripada informan. Terdapat dua kategori temubual iaitu temubual tidak rasmi dan temubual rasmi. Temubual dilakukan kepada pengunjung untuk melihat reaksi mereka terhadap aktiviti yang dilakukan. Pengunjung yang dipilih adalah terdiri dari pelajar. Keupayaan pelajar juga ditinjau dari sudut laras bahasa selain keupayaan mereka memahami bahasa yang diletakkan pada teks dan kepsyen yang terdapat dalam pameran tersebut.

Pendidikan warisan

Warisan merupakan sesuatu yang diperturunkan dari generasi terdahulu, atau dengan kata lain merupakan tinggalan nenek moyang atau tinggalan alam semulajadi yang perlu dipelihara. Warisan juga bermaksud tinggalan yang menjadi kebanggaan dan pengenalan kepada sesuatu bangsa kepunyaannya (Adi 2001). Kewujudan warisan budaya di Malaysia telah melalui satu proses sejarah yang panjang bertunjangkan imej arus perdana yang bersifat nasional. Ia telah sekian lama menjadi milik bersama dan justeru mampu mewujudkan rasa kesepunyaan (*sense of belonging*) dalam kalangan rakyat Malaysia.

Warisan bermula dengan naluri manusia untuk menyimpan sesuatu yang pernah digunakannya, dilalui sebagai tanda kenangan dan sumber nostalgia. Desakan ingin tahu atau *curiosity* manusia terhadap sesuatu kejadian, mendorong mereka mencari benda-benda aneh dan pelik. Secara umum warisan boleh dibahagikan kepada dua iaitu warisan ketara (*tangible*) dan warisan tidak ketara (*intangible*). Warisan Ketara (*Tangible Heritage*) ialah sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. iaitu berbentuk rupa atau artifak yang dapat dirasai oleh sentuhan terang dan tepat. Manakala Warisan Tidak Ketara (*intangible heritage*). Warisan tidak ketara ialah warisan yang tidak nyata atau tidak nampak atau merupakan ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui bahasa, sastera, kepercayaan, adat resam dan sebagainya. Contohnya acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional. Senarai warisan budaya ketara ialah tapak warisan budaya, bandar atau kota bersejarah, lanskap budaya, tapak suci semulajadi, warisan budaya mudah alih, muzium.

Warisan budaya merupakan pola-pola kehidupan kemanusiaan dalam konteks pencernaan tamadun, sama ada pola budaya ketara mahupun tidak ketara. Warisan budaya dihasilkan oleh perjalanan hidup manusia dan diwariskan dari zaman ke zaman atau dari generasi ke generasi. Ia juga menjadi citra dan jati diri sesuatu bangsa merangkumi segala bentuk ragam seni bina, tata hias, ukiran pelbagai motif pada pakaian, bangunan, ilustrasi pada sesuatu cetakan serta sebagai penjelmaan warisan budaya ketara. Ia juga boleh dijelmakan melalui warisan budaya tidak ketara seperti budi bahasa, budi pekerti, tingkah laku, falsafah, pemikiran dan kreativiti

Muzium pula merupakan sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, mengumpul, mendokumentasi, memelihara, mempamer, menyelidik dan menginterpretasi dan mendidik masyarakat mengenai bukti material manusia dan persekitarannya serta ilmu berhubung dengan bahan-bahan artifak sejarah, objek bernilai dan lain-lain material yang bermakna kepada kebudayaan, kesenian dan warisan negara bagi tujuan dinikmati dan dipelajari oleh orang ramai

Berdasarkan permaknaan yang diberikan oleh ICOM (*International Council of Museum*) sebuah institusi yang tidak mengaut keuntungan, tetapi lebih diberi penekanan sebagai pusat atau institusi yang tetap untuk memberi khidmat nasihat kepada orang ramai sebagai tempat mencari dan mendapat ilmu pengetahuan menerusi proses penyelidikan dan kajian, dengan cara menyebar dan mempamer, di samping menyimpan dan memelihara bahan-bahan khazanah sejarah dan warisan budaya sesebuah negara, dan menekankan tujuan pengkajian melalui pendidikan dan pameran yang boleh dimanfaatkan dan menyeronokkan, dan sekaligus bertindak sebagai bahan-bahan bukti manusia dan alam persekitarannya. Hakikat ini sejajar dengan kenyataan oleh Eliot (1948:46) dan Douglas & Isherwood (1979:99) bahawa 'muzium merupakan simbol ketamadunan dan kemunculan budaya'. Sehubungan itu koleksi merupakan bukti sahih yang dapat dipertontonkan kepada masyarakat umum.

Kini terdapat lebih daripada 30 ribu buah muzium di mana 13, 500 terdapat di Eropah sementara di Britain mempunyai lebih kurang 5 ribu buah. Jumlah koleksi dan spesimen yang dikumpul di seluruh dunia adalah lebih daripada 100 juta dan dipercayai Natural History Muzium London merupakan muzium yang mempunyai koleksi terbesar iaitu sebanyak 67 juta spesimen (Kamarul Baharin, 1999), Kenyataan ini menjelaskan bahawa muzium merupakan pusat sumber atau gedung ilmu untuk mempelajari aspek-espek warisan budaya yang perlu disimpan.

Pemahaman mengenai muzium juga turut membawa permaknaan mengenai kandungan dalam sesebuah muzium yang mengandungi pelbagai jenis warisan mengikut tujuan dan objektif sesebuah muzium itu didirikan. Idea awal penubuhan muzium adalah berdasarkan mengumpul dan memelihara artifak-artifak warisan seni budaya seterusnya menyelidik dan mempamerkan artifak berkenaan untuk tatapan ramai dengan harapan ia dapat mendidik anggota masyarakat mengenai seni budaya dan warisan. Matlamat akhir tersebut merujuk kepada pendidikan iaitu mendidik orang ramai berkaitan warisan. Situasi ini memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai pendidikan warisan. Pendidikan yang diperoleh dari koleksi yang dimiliki oleh sesebuah muzium. Dalam hal ini, melalui koleksi tersebut, sesebuah muzium mengadakan pelbagai program pendidikan bagi menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat umumnya dan khasnya kepada pelajar.

Manakala Pendidikan warisan pula merupakan suatu proses pembelajaran iaitu dengan cara melihat, menyentuh, mendengar dan memegang (pengalaman) melalui himpunan koleksi atau artifak yang dipamerkan disesebuah muzium. Menurut Germain Bazin, Kurator di Lourve, Paris mengumpamakan muzium sebagai '*a university of the common man*' iaitu muzium sebagai sebuah universiti bagi manusia umum. Mark Lilo (1995), dalam bukunya pula iaitu '*New Republic*' menyatakan peranan muzium moden adalah sebagai institusi penyampai maklumat. Baginya seseorang yang berada di muzium akan memperoleh pengalaman dan pengetahuan baru yang sangat berharga.

Pendidikan warisan berperanan dalam memberikan sumbangan yang besar yang dikenali sebagai pendidikan bukan formal. Konsepnya hampir sama dengan pendidikan formal. Pendidikan bukan formal yang menjadi fokus di sini ialah pendidikan yang diperoleh tanpa perlu pergi ke kelas secara formal. Sumbangan pendidikan warisan adalah seperti pendidikan formal iaitu mengembangkan pengetahuan masyarakat dalam pelbagai jenis ilmu. Pendidikan bukan formal bermaksud pendidikan yang dirancang di luar kaedah pendidikan formal. Ia bukan berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebaliknya menjadi tanggungjawab pihak muzium dalam memastikan peranannya diperoleh segenap masyarakat terutama generasi muda dalam kalangan pelajar sekolah. Konsep pendidikannya tidak memaksa tetapi mengamalkan konsep pendidikan terbuka melalui program yang direncana secara kreatif.


Kelebihan muzium juga, adalah menyediakan konsep pembelajaran dan pengajaran yang tidak berteraskan peperiksaan dan sekaligus menarik minat pengunjung. Elemen pendidikan yang terdapat di

dalamnya adalah tidak berdasarkan sukatan dalam buku teks seperti pendidikan formal yang dinyatakan di atas tadi. Walaupun bertindak sebagai sumber pendidikan bukan formal, namun pihak muzium cuba memantapkan pengetahuan pelajar-pelajar dengan menyediakan koleksi atau objek yang mendekati kurikulum sekolah. Berdasarkan situasi masa kini para pelajar digalakkan menerokai sendiri bidang-bidang yang ada kaitan dengan sukatan matapelajaran. Objek atau benda nyata merupakan aset terpenting yang dimiliki oleh muzium berbanding dengan wahana pendidikan yang lain. Jesteru, pembelajaran melalui objektif sebenar muzium bukan sahaja menyeronokkan malah memberi kepuasan serta meninggalkan kesan dan dapat bertahan lebih lama. Menurut Fleming & Lerie (1978), pengalaman yang konkrit dapat memudahkan pembelajaran dan pencapaian pengekalangan ingatan serta dapat mempergunakan simbol-simbol yang abstrak. Hal ini disokong oleh Dale (1969) yang mencadangkan supaya pengajaran yang disediakan untuk pelajar perlulah daripada pengalaman menerusi pelbagai media pendidikan dan akhirnya persembahan isyarat seperti pertuturan, ucapan dan simbol. Kepelbagaian kaedah yang interaktif dalam pendidikan menggalakkan pengekalangan ingatan. Berdasarkan kajian mengenai psikologi (Lewis, 1994), mereka yakni pengunjung akan ingat:

- i. 10% apa yang mereka dengar
- ii. 30% apa yang mereka baca
- iii. 50% apa yang mereka lihat
- iv. 90% apa yang mereka buat

Program pendidikan

Secara umumnya, pendidikan warisan terbahagi kepada dua iaitu iaitu pendidikan secara langsung dan secara tidak langsung. Pendidikan secara langsung ialah melalui aktiviti yang dirancang manakala pendidikan secara tidak langsung melalui pameran yang dilihat dan input pengetahuan diperoleh sendiri melalui lawatan ke galeri-galeri pameran. Pengurusan muzium menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pengunjung melalui pelbagai aktiviti dan program yang dirancang. Dalam menyediakan aktiviti-aktiviti, banyak kriteria yang dititikberatkan oleh Muzium. Terutama kriteria pengunjung, bagi pelajar sekolah yang mempunyai pelbagai tahap psikologi. Menurut Normah (1998), pelajar tidak begitu berbeza dari segi umur, namun mereka berbeza dari segi perkembangan kognitif, kematangan, kebolehan, minat, pengalaman, emosi dan latar belakang persekitaran sosial. Dalam kebanyakan program yang diadakan, pengunjung akan didedahkan dengan aktiviti yang boleh mengasah pemikiran sehingga pengunjung boleh berfikir secara kreatif dan kritis. Pendidikan warisan boleh berlaku melalui sebagaimana yang dilihat dalam Rajah 1. iaitu model program pendidikan yang diambil dari program-program yang dilakukan oleh Muzium Negara Kuala Lumpur. Program pendidikan berlaku pelbagai keadaan dan modul. Ia berlaku melalui pameran, melalui kuliah dan ceramah, mengadakan kelas mengikut subjek tertentu, penerbitan, pengajaran dan konsep sentuhan (*teach & touch concept*) dan mengadakan pelbagai program seperti bengkel, seminar, syarahan.



Rajah 1. Model program pendidikan

Pembelajaran berdasarkan koleksi

Pembelajaran berdasarkan koleksi merupakan kaedah pembelajaran berdasarkan koleksi yang terdapat di sesebuah muzium. Melalui koleksi terdapat beberapa pendekatan yang dapat digunakan seperti pendekatan *Multi Disciplinary Collection*. Pendekatan ini merupakan suatu kaedah yang menggunakan koleksi yang pelbagai di sesebuah muzium seperti koleksi sejarah, budaya dan alam semulajadi yang digunakan secara bersepadu. Selain itu, terdapat konsep yang diamalkan di beberapa buah muzium di luar negara iaitu *open-store concept*. Melalui konsep ini pelawat (dengan kebenaran) akan dibenarkan untuk melihat dan menggunakan koleksi yang terdapat dalam stor. Konsep digunakan oleh para penyelidik khususnya sebagai bahan kajian. Maksud dan simbolik yang terdapat pada sesebuah koleksi sama ada secara fizikal atau tersurat dan tersirat dapat ditafsir dan digunakan oleh pengunjung. Kaedah ini biasanya digunakan oleh pengkaji atau guru yang ingin menjadikan pengajaran didalam kelas lebih menarik.

Pembelajaran berdasarkan pameran

Kekuatan sesebuah muzium terletak pada sesebuah pameran yang dipersembahkan dengan menggunakan teknik-teknik yang menarik dan interaktif. Tidak kira sama ada pameran tetap, sementara, bergerak dan khas. Melalui kaedah ini, ilmu pengetahuan dapat disampaikan melalui koleksi yang dipamerkan dengan penggunaan teks dan kapsyen yang sesuai dengan kumpulan sasaran. Selain itu, melalui pameran juga harus menggunakan teknologi interaktif seperti *audio-visual*, *sound effect*, pergerakan artifak seperti patung (replika) dan lain lain lagi. Teknologi interaktif ini juga dapat dilihat dalam pameran di Jabatan Muzium Malaysia (JMM) iaitu pameran alat senjata 'keris'. Salah satu interaktif yang digunakan ialah pergerakan artifak dengan menggunakan "sense" kad. Selain itu, tayangan VCD juga turut digunakan.

Tayangan ini akan membantu mempermudah pemahaman kerana menggunakan gambar, suara, dan pergerakan dalam satu masa. Kaedah pembelajaran melalui pameran lebih menarik kerana pameran merupakan program yang dirancang dan disusun. Program ini merupakan pendidikan yang berlaku secara langsung dan terjadi melalui lawatan ke setiap pameran yang di sediakan.

Pembelajaran berdasarkan kuliah dan ceramah

Kaedah ini merupakan pendekatan yang lebih bersifat akademik. Kaedah ini juga merupakan salah satu kaedah dua hala. Kaedah seperti ini sudah banyak dilakukan dan mendapat sambutan dari warga muzium dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO). Kaedah ini dianggap terbaik dan berkesan dalam menjana percambahan minda di kalangan pengunjung. Berdasarkan kaedah ini iaitu seperti lawatan berpandu merupakan salah satu kaedah berkesan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Kaedah ini berbentuk komunikasi secara bersemuka antara pegawai muzium dan pengunjung. Kaedah ini merupakan antara kaedah yang digemari pengunjung kerana melalui ini pengunjung dapat memperolehi maklumat mengenai artifak yang dipamerkan dengan lebih mendalam.

Pembelajaran berdasarkan kelas mengikut subjek tertentu

Melalui kaedah ini, pihak muzium akan mengadakan kelas berdasarkan konsep dan tema pameran. Pembelajaran ini akan menjadi lebih berkesan kerana konsep pendidikan formal diaplikasikan.

Pembelajaran berdasarkan penerbitan

Dalam membantu golongan pelajar atau para pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai koleksi atau artifak dengan lebih jelas, bantuan seperti penyediaan laman web, majalah, buku, jurnal dan *periodica* disediakan. Selain itu melalui ini juga maklumat mengenai sesebuah muzium dapat disebarkan dengan lebih meluas.

Pembelajaran berdasarkan pengajaran dan konsep sentuhan (teach dan touch concept)

Kaedah ini memberi peluang kepada pelajar atau pengunjung lain untuk menyentuh dan mencuba replika yang disediakan. Menurut Joseph Pounis Guntavid dalam forum kurator perdana (2001) kaedah ini merupakan antara kaedah yang berkesan dalam proses pembelajaran dan cara ini juga merupakan salah satu teknik yang digunakan di negara Barat.

Pembelajaran berdasarkan program, bengkel, seminar dan syarahan

Melalui aktiviti dalaman (*indoor*) sebegini penyebaran ilmu dapat diperluaskan dengan baik dan lebih teratur. Melalui program sebegini pelajar akan mendapat kefahaman dengan lebih mendalam dan efisien. Sesuatu perkara atau subjek itu akan dikupas secara mendalam dan melalui pelbagai sudut. Selain itu edaran bahan atau nota mengenai subjek yang dibincangkan turut membantu pelajar. Hal ini akan membantu pelajar secara lebih proaktif. Selain itu melalui aktiviti ini para pengunjung dapat berkomunikasi dengan golongan pakar dalam bidang masing-masing dan dapat berinteraksi secara langsung sekiranya terdapat masalah.

Laras bahasa

Laras bahasa ialah gaya dan penggunaan sesuatu bahasa. Gaya merujuk kepada pelisihan dan penulisan (Abdullah Hassan, 1997). Penggunaan merujuk kepada penutur, pendengar, situasi, topik dan tujuan perbincangan. Laras bahasa dilihat sebagai salah satu aspek yang perlu diberi penekanan penting dalam

pendidikan warisan di sesebuah muzium. Hal ini kerana pengunjung muzium yang terdiri dari pelajar terutamanya memiliki pelbagai tahap kemahiran membaca, memahami dan menangkap segala perilaku dan penulisan.

Dalam laras bahasa terdapat dua aspek iaitu ciri-ciri keperihalan dan ciri-ciri linguistik. Dalam keperihalan terdapat dua aspek iaitu aspek luaran dan persekitaran. Situasi luaran maksudnya ialah latar belakang sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Bahasa merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup yang menentukan tindak-tanduk anggota masyarakat. Manakala situasi persekitaran pula ialah melalui cara penyampaian, perhubungan sosial dan peribadi, bahan dan fungsi sosial. Manakala aspek linguistik terdapat aspek bunyi, aspek perkataan dan aspek ayat.

Terdapat pelbagai jenis laras bahasa. Menurut Abdullah Hassan (1997: 248). Ia terbahagi kepada 9 iaitu :

- i. Laras Bahasa Umum
- ii. Laras Bahasa Teknikal
- iii. Laras Bahasa Undang-undang
- iv. Laras Bahasa Agama
- v. Laras Bahasa Hibauan
- vi. Laras Bahasa Klasik
- vii. Laras Bahasa Kreatif
- viii. Laras Bahasa Kanak-kanak
- ix. Laras Bahasa Iklan

Perbincangan

Laras bahasa menyerlahkan ciri-ciri keperihalan iaitu aspek luaran yang melibatkan latar belakang sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat bahasa. Ia merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup yang menentukan tindak-tanduk anggota masyarakat. Dalam hal ini, kepentingan laras bahasa dilihat dalam konteks penyediaan teks dan kapsyen pameran. Sesebuah pameran yang berkisah mengenai sesuatu identiti yang diikuti maksud yang tersirat, perlambangan yang mempunyai meseg yang mudah dimengertikan adalah salah satu ciri teks dan kapsyen yang bagus. Hal ini dapat mewujudkan tindakbalas yang baik pada semua kaum di Malaysia khususnya Melayu, China dan India, malahan pengunjung dari luar negara.

Cara hidup yang berbeza antara kaum, agama dan bangsa memerlukan sesuatu elemen yang tidak mengugat sensitiviti kaum. Elemen bersatu padu, keharmonian, hormat-menghormati perlu diterapkan dalam setiap teks atau kapsyen dalam sesebuah pameran. Hal ini amat signifikan kerana Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang memiliki pelbagai bangsa termasuk kaum di Sabah dan Sarawak. Namun disebabkan kontrak sosial yang telah dimeterai maka laras bahasa Melayu standard menjadi laras bahasa utama di sini.

Kepelbagai warisan yang dimiliki oleh pelbagai bangsa yang unik boleh dijadikan sebagai pengetahuan yang sangat berguna. Jika sekiranya perbalahan kaum terjadi akibat peristiwa 13 Mei 1969. Maka warisan nenek moyang yang di tinggalkan boleh dijadikan simbol kesepaduan dalam 1 di Malaysia. Warisan dianggap dan dijadikan kebanggaan dan unik bagi setiap kaum. Keunikan baba dan nyonya bagi orang Cina juga turut di digunakan oleh kaum lain terutama kaum Melayu seperti dalam makanan dan pakaian. Elemen 'perkongsian dalam kebanggaan' ini menjadi satu bentuk sosial yang baik dalam membentuk sistem sosial yang harmoni.

Kepentingan laras bahasa juga terserlah kerana terdapatnya situasi persekitaran yang berbeza pada ketika pendidikan warisan ingin disampaikan. Kepentingan ini boleh dilihat melalui kaedah penyampaian yang diamalkan oleh sesebuah muzium. Sebelum sesebuah pameran atau program muzium ingin dilakukan maka kaedah penyampaian antara aspek yang diutamakan dalam perancangan awal. Berteraskan hakikat bahawa sama ada mesej pendidikan itu difahami oleh pengunjung atau tidak,

menjadikan aspek laras bahasa ini suatu aspek yang sangat perlu dititik beratkan. Pemilihan laras bahasa di sini adalah berasaskan aspek perhubungan sosial dan peribadi antara kaum, peringkat umur dan status. Pemilihan ini menjadi begitu signifikan kerana ia bukan sahaja dapat mengelakkan terjadinya gangguan sensitiviti kaum, disamping menimbulkan rasa hormat-menghormati antara satu sama lain. Hal ini sejajar dengan fungsi sosial sesuatu pendidikan itu dilakukan yang mana ia seharusnya dapat menyuburkan moral yang baik, meningkatkan jati diri, dan amalan-amalan baik dalam perilaku pengunjung.

Kepentingan laras bahasa juga diserlahkan dengan menitik-beratkan penggunaan aspek-aspek linguistik. Terdapat aspek bunyi, aspek perkataan dan aspek ayat yang digunakan sesuai dengan pelbagai lapisan masyarakat. Kajian ini mendapati bahawa dalam sesebuah aktiviti pameran, selain penggunaan teks dan kapesyen, mereka juga akan menggunakan audiovisual iaitu konsep penceritaan dengan penggunaan audio. Pengunjung boleh melawat pameran tanpa perlu membaca teks kerana audiovisual digunakan. Penggunaan teknologi ini lebih membantu pengunjung untuk memahami kerana terdapat pengunjung yang tidak gemar membaca. Lebih-lebih lagi sekiranya ruang dan bilik pameran yang besar. dalam memastikan keberkesanan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pengunjung elemen-elemen ini perlu di ambil perhatian. Penggunaan aspek linguistik yang berkesan dan sesuai mampu menghasilkan sebuah pameran yang mesra pengunjung.

Pengunjung muzium selalunya dikaitkan dengan pelbagai lapisan umur iaitu terdiri dari kanak-kanak pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah, golongan dewasa dan tua. Kepelbagaian peringkat umur ini memerlukan laras bahasa yang tersendiri untuk menghasilkan penulisan dan pelisihan yang berkesan. Laras bahasa umum formal digunakan dalam situasi teks atau kapsyen yang formal sahaja manakala bentuk laras bahasa tidak formal menggunakan ciri-ciri bahasa basahan. Walaubagaimanapun kebanyakan pameran lebih menggunakan laras formal dalam teks dan kapsyen.

Walaupun bagaimanapun bagi program yang khusus untuk kanak-kanak, laras bahasa kanak-kanak akan digunakan. Laras bahasa kanak-kanak ialah kosa katanya terdiri daripada kata akar, kata nama konkrit, kata kerja, dan kata adjektif. Manakala dari segi bilangan atau jumlah kosa katanya adalah kurang berbanding dengan kosa kata orang dewasa. Bilangan imbuhan yang digunakan agak terhad, malah imbuhan yang digunakan untuk membentuk kata abstrak tidak terdapat dalam laras ini. Struktur ayat yang banyak digunakan ialah struktur ayat aktif bentuk tunggal. Bahasa perlambangan tidak digunakan, begitu juga bentuk-bentuk bunga bahasa.

Selain itu, terdapat dua jenis bahasa teks yang digunakan iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Teks yang disediakan adalah terperinci yang berkaitan dengan artifak. Ini akan memudahkan pelajar yang mahukan maklumat lengkap mengenai artifak tersebut. Manakala, bagi pengunjung yang mahukan maklumat umum mereka boleh membaca tajuk teks tersebut dan nama koleksinya sahaja. Dwibahasa yang digunakan adalah bersesuaian dengan kehadiran pengunjung yang hanya memahami bahasa kedua.

Elemen pembacaan merupakan proses yang penting dalam pendidikan. Walaupun pendidikan warisan merupakan pendidikan yang bukan sahaja yang tertumpu pada pembacaan semata-mata namun pembacaan masih berada di tempat pertama apabila membincangkan mengenai pendidikan yang berkesan. Safiah (1990) menyatakan pembaca yang cekap ialah seseorang yang berusaha mendapatkan makna daripada teks atau petikan yang dibaca. Dia bukan hanya membaca setakat mencungkil maklumat ataupun setakat memahami apa yang dinyatakan oleh penulis secara terus terang dan tidak lebih dari itu. Sebaliknya pembaca itu perlu menggunakan daya kognisi atau daya mentalnya bagi mendapatkan makna daripada teks atau wacana bertulis yang sedang dihadapinya. Melalui pembacaan, pengunjung dapat menginterpretasi keseluruhan pameran dengan baik. Hal ini turut disokong oleh Atan Long (1969) yang mana menurutnya, membaca ialah proses mentafsirkan kembali lambang-lambang bertulis dan mendapatkan makna atau buah fikiran daripada bahan-bahan bertulis itu. Lambang-lambang bertulis itu atau perkataan diterjemahkan kembali kepada bunyi suara sama ada dengan bersuara atau senyap, tetapi dengan menyembunyikan perkataan-perkataan itu sahaja bukanlah membaca. Dengan membaca juga dapat mempengaruhi pemahaman yang lebih mendalam. Hal ini turut dipersetujui oleh John B. Carroll (1978) mendefinisikan membaca sebagai:

...reading is a process of getting meaning and sometimes sound, from print by converting it (recording the visual representation) to some inner representation that is analogous to that is comprehended is essentially the same way that spoken languages is comprehended,...

Kesimpulan

Pendidikan warisan terdiri dari program pendidikan yang dirancang khusus untuk pembangunan minda masyarakat. Pendidikan warisan dilihat sebagai konsep pendidikan yang berperanan besar dalam membangunkan jatidiri masyarakat dan dalam masa yang sama membantu proses pembelajaran formal. Melalui warisan yang menjadi tinggalan nenek moyang menghasilkan satu revolusi pendidikan yang berguna dan semakin penting dalam negara. Program yang dirancang untuk pengunjung dilihat menjadi aspek penting agar pendidikan dapat disampaikan dengan baik kepada pengunjung. Penggunaan laras bahasa yang sesuai haruslah dipraktikkan. Bukan sahaja menitikberatkan laras bahasa mengikut kategori pengunjung seperti bangsa dan umur malah penggunaan tatabahasa yang betul juga harus digunakan. Pendidikan warisan bukan sahaja menjadi madah pendidikan melalui warisan budaya sahaja namun melalui pelbagai cakupan ilmu yang terhimpun termasuk laras bahasa. Penggunaan laras yang betul juga membantu pendidikan ini diperoleh dengan berkesan. Manakala pendidikan pula berlaku melalui pelbagai aspek yang boleh membantu pengunjung memperoleh pendidikan di sesebuah muzium. Sebagai kurator yang merencana dan menguruskan aktiviti pendidikan di muzium, mereka akan melaksanakan pelbagai program atau modul pendidikan yang boleh mendekati pengunjung dengan warisan dan memastikan pendidikan tersebut dapat diterima dengan berkesan.

Rujukan

- Abdullah Hassan (1997) *Motivasi belajar berfikir*. Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd., Kuala Lumpur
- Atan Long (1969) Masalah kelemahan pelajaran bacaan di sekolah-sekolah kebangsaan dan cadangan mengatasinya. *Jurnal Pendidikan*, pp.288-297
- Azmi Syafi (2005) *Muzium hilang daya tarikan. Generasi muda kurang mendekati muzium sebagai sumber rujukan sejarah silam*. Dewan Budaya, Kuala Lumpur. 10-12 Januari.
- Dale E (1969) *Audio visual methods in teaching*. Holt Rinehart and Winston Inc, New York.
- Douglas, Isherwood (1979) *The organization of museum practical advice*. Unesco, Paris.
- Dzulfawati Hj. Hassan (1999) Muzium dan cabaran menjelang abad ke-21. In. Mohd. Ali Ngah, Aidit Haji Ghazali, Zulfawati haji Hassan, Mohd. Lotfi Nazar (eds) *Jaringan muzium Asia Timur*, pp. 247-274. Institut Perkembangan Minda (INMIND), Kuala Lumpur.
- Eliot (1984) *Milton*. G. Cumberlege, London.
- Fleming M, Lerie W (1978) *Instructronel massage design*. En glewood Cliff, Education Technology Publication, New Jersey.
- John BC (1978) *Psycholinguistics and the study and teaching of reading*. International Reading Association, Newark, Delaware.
- Joseph PG (2001) Muzium sebagai pusat sumber pelajaran. *Buletin JMA* 3, 92-96.
- Kamarul Baharin AK (1999) *Pengurusan koleksi, perolehan dan penstoran*. Jabatan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lewis (1994) *Towards a categorisation of cognitive styles and learning styles*. Routledge, New York.
- Mark Lilo (1995) *New republic*. Routledge, New York.
- Nazel Hasyim Mohamad (2005) *Muzium yang sepi*. Dewan Budaya, Kuala Lumpur. 13-16 Januari.
- Normah binti Mohamad (1998) Tinjauan tentang tahap kefahaman bacaan di kalangan murid-murid tahun 3 di sebuah Sekolah Rendah (Latihan ilmiah). Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Othman Yatim (2005) *Pembudayaan muzium, pelestarian warisan dan pembinaan negara bangsa*.
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Safiah Osman (ed) (1990) *Membaca: Satu pengenalan*. Berita Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Susan AS (1999) *Museum masterpieces by architectures*. Todri Production, New York.